



KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

BIL. 3 TAHUN 2017

-
1. Mesyuarat pada hari ini adalah **PERSEDIAAN** bagi menghadapi **MONSUN TIMUR LAUT** yang telah diisytiharkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia pada bulan 13 November 2017 hingga Mac 2018. Semasa Monsun Timur Laut, hujan berterusan untuk tempoh sehingga tiga hari boleh mengakibatkan kejadian banjir di kawasan-kawasan berkedudukan rendah dan kawasan yang cenderung banjir. Sekiranya hujan lebat berlaku serentak dengan kejadian air pasang, risiko kejadian banjir akan menjadi lebih buruk.
 2. Sehubungan itu semua Residen hendaklah bersiapsiaga dan Bilik Gerakan Banjir di semua bahagian **DIAKTIFKAN** pada bila-bila masa. Selain itu juga, cuti pegawai-pegawai agensi di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana **DIBEKUKAN** berkuatkuasa serta merta.
 3. Selaku pengerusi mesyuarat pada hari ini, saya akan melihat isu-isu berkaitan pengurusan bencana dan mengambil langkah sewajarnya bersama jabatan dan agensi berkaitan bagi memastikan jentera pengurusan bencana di semua peringkat dapat berjalan lancar.
 4. Bagi persediaan menghadapi kemungkinan banjir yang akan berlaku, JPBN Sarawak telah membuat persiapan awal. Agensi dan bilangan

TERHAD

anggota serta kakitangan yang akan ditugaskan bagi persediaan banjir kali ini adalah seperti berikut:

Bil	Jabatan / Agensi	Bilangan Anggota dan kakitangan
1	Angkatan Tentera Malaysia (ATM)	7,192 orang
2	Angkatan Pertahanan Awam (APM)	5,000 orang
3	Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM)	3,281 orang
4	Polis DiRaja Malaysia (PDRM)	2,469 orang
5	Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)	1,089 orang
6	Jabatan Kebajikan Masyarakat	1,087 orang
7	Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak	1,070 orang
		21,188 Orang

- 4.1 Bilangan anggota dan kakitangan pada tahun ini ditingkatkan seramai 21,188 orang berbanding 17,097 orang pada tahun lepas.
- 4.2 Dalam pada itu, sebanyak **5 BUAH HELIKOPTER, 215 BUAH LORI, 472 BUAH KENDERAAN PACUAN 4 RODA, 290 BUAH BOT** dan **117 BUAH AMBULAN** dari pelbagai jabatan dan agensi juga disediakan.
- 4.3 Jabatan Kebajikan Masyarakat telah membuat persediaan untuk membuka sebanyak 610 buah pusat pemindahan di seluruh Sarawak. Seramai 165 orang pembekal logistik telah dilantik dan untuk mencapai masa respon yang terbaik, pembekalan logistik akan disimpan di 12 buah pangkalan hadapan di tempat-tempat yang strategik dan 3 buah stor/depo utama yang terletak di Kuching, Samarahan dan Miri.

TERHAD

5. Selain itu juga, Bulan Kesiapsiagaan Nasional 2017 peringkat kebangsaan yang telah dilancarkan pada 08 Oktober lepas di Kuching Waterfront juga adalah satu **PLATFORM** terbaik untuk melihat semua jabatan dan agensi saling berkerjasama melalui demonstrasi yang ditunjukkan dalam menghadapi Monsun Timur Laut pada tahun ini. Disamping itu juga, latihan serta simulasi bencana juga aktif di laksanakan di semua Daerah dan Bahagian.
-